



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/02/16 - 11

PENGGUNAAN BORANG CKHT 502 MELALUI e-CKHT ADALAH MANDATORI BAGI BAYARAN DI BAWAH SEKSYEN 21B AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (ACKHT 1976)

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pembayaran di bawah Seksyen 21B Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976) menggunakan Borang CKHT 502 melalui e-CKHT di Portal MyTax adalah mandatori selaras dengan pelaksanaan Nombor Bil sebagai rujukan bagi urusan pembayaran cukai langsung mulai 01 Januari 2023.
2. Maklumat berkenaan penjanaan Nombor Bil boleh diperolehi melalui kaedah seperti berikut:
 - a) Layari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>. Log masuk ke MyTax menggunakan Nombor Pengenalan dan kata laluan. Sekiranya tiada Nombor Pengenalan Cukai (TIN), permohonan boleh dikemukakan melalui perkhidmatan e-Daftar di MyTax.

- b) Pilih e-CKHT di menu perkhidmatan ezHASiL.
 - c) Masukkan Nombor TIN pemeroleh dan pilih Borang CKHT 502.
 - d) Isi maklumat yang diperlukan dan cetak slip bayaran. Nombor Bil akan dipaparkan pada slip bayaran berkenaan.
3. Walau bagaimanapun, dalam tempoh peralihan kepada penjanaan Nombor Bil ini, penggunaan Borang CKHT 502 manual bagi pemeroleh individu masih diterima sehingga 28 Februari 2023.
 4. Bayaran boleh dibuat secara dalam talian atau di Pusat Bayaran HASiL. Bagi tujuan bayaran di kaunter, pemeroleh perlu mencetak slip bayaran atau muat turun Nombor Bil yang diperlukan dengan mengimbas Kod QR yang dipaparkan pada slip bayaran berkenaan.
 5. Sila layari Portal Rasmi HASiL di <https://www.hasil.gov.my/> untuk maklumat terperinci mengenai Tatacara Pengisian Borang Dan Bayaran CKHT 502 Di e-CKHT Oleh Pemeroleh / Peguam / Wakil atau melalui pautan pantas berikut:
<https://www.hasil.gov.my/media/vqfg50mh/tatacara-isi-borang-dan-bayaran-ckht-502-melalui-sistem-e-ckht-12012023.pdf>

6. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 16 Februari 2023